

23/03/1999

Rancangan kuasa asing bukan dongeng: PM

ALOR STAR, Isnin - Rancangan kuasa asing untuk menjatuhkan kerajaan dan menjajah semula negara ini dengan menggunakan pemimpin boneka bukan cerita dongeng, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perancangan itu terbukti benar melalui sokongan terbuka Amerika Syarikat serta media asing terhadap gerakan reformasi dan parti pembangkang Pas dan DAP.

Menurutnya, tindakan Amerika memupuk dan menyokong seorang pemimpin untuk menjadi Perdana Menteri bukan sengaja direka tetapi realiti yang perlu disedari rakyat, khususnya masyarakat Melayu yang menjadi tonggak kerajaan.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menggesa rakyat supaya tidak membiarkan mereka diperalatkan kuasa asing yang menggunakan slogan demokrasi semata-mata untuk melihat kerajaan sedia ada tumbang, sekali gus memudahkan mereka meletakkan pemimpin yang mudah dikuasai.

Katanya, rakyat boleh menggunakan hak untuk tidak menyokong kerajaan tetapi tidak seharusnya membiarkan diri mereka diperalatkan oleh kuasa asing untuk menjayakan cita-cita mereka bagi melihat kerajaan ditumbangkan.

"Saya tidak ingin dijajah semula. Kalau kita tidak berjaga-jaga, mungkin kita dijajah semula.

"Ini saya tujukan kepada orang Melayu yang tertarik kepada reformasi dan menjadi alat Amerika yang benci kepada saya dan kerajaan kerana saya selalu bercakap mengenai penindasan yang mereka lakukan terhadap ekonomi, politik dan tentera.

"Ini bukan cerita dongeng. Tidak ada faedah bagi saya untuk cipta cerita. Saya minta dengan benar, kalau ingat tak nak sokong kerajaan, itu hak kita, tetapi jangan biarkan diri kita diperalatkan untuk dijajah semula," katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika berucap di majlis perjumpaan dengan pegawai kerajaan, imam dan penghulu di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman, di sini hari ini.

Program itu adalah yang terakhir dalam rangka lawatan kerja dua harinya di Kedah, sejak semalam.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid.

Dr Mahathir mengaitkan strategi kuasa asing sekarang dengan sejarah kekalahan tentera Troy akibat tertarik dengan kuda kayu gergasi yang dihadiahkan musuh mereka, tentera Greek.

"Kuda kayu dibina oleh orang Greek dan menghadihkannya kepada tentera Troy. Apabila malam, tentera Greek dalam kuda kayu itu keluar dan mengalahkan tentera Troy.

"Justeru, kita perlu berhati-hati. Usaha kuasa asing itu turut dibantu media asing yang cenderung menyembunyikan fakta sebenar bagi melemahkan ekonomi negara, sekali gus memecah-belahkan perpaduan kaum," katanya.

Beliau berkata, kuasa asing cuba memiskinkan negara ini kerana kerajaan berjaya mempertahankannya. Negara jiran lain tunduk kepada Barat tetapi Malaysia tidak tunduk kerana ia ditadbir dengan aman dan mempunyai kekuatan sendiri.

"Mereka memberi didikan kepada orang pilihan mereka supaya apabila orang ini menjadi Perdana Menteri, dia tunduk kepada Barat dan kita akan dijajah semula.

"Mereka gunakan orang ini sebagai alat untuk lumpuhkan kerajaan yang dilihat sebagai benteng negara membangun. Mereka perlu melumpuhkan negara menerusi orang Melayu.

"Malangnya, orang yang dididik untuk ambil alih negara ini tiba-tiba menghadapi masalah yang menyebabkan dia mungkin tidak akan menjadi Perdana Menteri sampai bila-bila. Maka kecewalah Barat," katanya.

Dr Mahathir berkata, media asing turut menyokong parti pembangkang seperti Pas dan DAP untuk melihat Umno tewas, sekali gus melumpuhkan kerajaan yang berani menentang mereka.

Perdana Menteri turut menjelaskan, beliau tidak berniat memegang jawatan itu untuk memperolehi kemewahan, sebaliknya ia adalah tanggungjawab terhadap rakyat.

"Saya kalau boleh nak pencen tetapi tak boleh lari daripada tanggungjawab. Saya sepatutnya berhenti tetapi orang yang ingin saya serahkan jawatan itu tidak layak menjadi Perdana Menteri. Sebab itulah saya terus pegang jawatan ini," katanya.

(END)